

CARTA FUNGSI SEKSYEN OPERASI DAN PERAKAUNAN

SEKSYEN OPERASI DAN PERAKAUNAN

UNIT AKAUN

1. Menyedia penyata Kewangan Kerajaan Negeri secara bulanan dan tahunan.
2. Menyemak ketepatan penyata Kewangan dan memastikan Penyata Kewangan disediakan mengikut Piawaian Penyata Kewangan Kerajaan negeri yang berkuatkuasa.
3. Menguruskan cetakan penyata Kewangan selepas mendapat Sijil dari Ketua Audit Negara untuk dibentang di Dewan Undangan Negeri.
4. Melulus baucar jurnal bagi pelarasan akaun bagi seluruh Jabatan Negeri.
5. Melulus Waran Peruntukan di Sistem Lejar Am.
6. Menyedia penyata penyesuaian bank bagi bank bayaran dan bank terimaan.
7. Menyedia senarai cek terbatal dan EFT terbatal dan mengambil tindakan pelarasan bagi akaun yang melebihi 6 tahun.
8. Menguruskan rekod pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Kompter.
9. Menguruskan rekod pinjaman Pendahuluan Diri dan Pendahuluan Pelbagai.
10. Mewujudkan kod pembekal di Sistem SPEKS.

CARTA FUNGSI SEKSYEN OPERASI DAN PERAKAUNAN

SEKSYEN OPERASI DAN PERAKAUNAN

UNIT PENGURUSAN DANA

1. Memperakaunkan pungutan hasil yang di bayar ke akaun Perbendaharaan Negeri oleh jabatan dan PTJ pemungut hasil.
2. Memantau baki-baki bank Perbendaharaan Negeri
3. Menyedia penyata aliran tunai mingguan Kerajaan Negeri untuk dilaporkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan
4. Menguruskan pindahan dana bayaran secara EFT dan Pindahan Telegraf
5. Menganalisa keperluan tunai Kerajaan Negeri bagi memastikan Kerajaan Negeri sentiasa mempunyai tunai yang mencukupi untuk menampung pembayaran
6. Merancang aliran tunai kerajaan bagi meyesuaikan aliran tunai masuk dan aliran tunai keluar agar seimbang.
7. Memberi cadangan untuk keperluan pelaburan jangka pendek seperti "Special Investment Account (SIA) dan REPO bagi menjana keuntungan kepada Kerajaan Negeri ke atas lebihan wang tunai dalam akaun bank.
8. Mengambil tindakan susulan ke atas "unreconcile item' bagi bank terimaan.
9. Mengurus penyerahan cek kepada pelanggan dan menguruskan penyerahan resit perbendaharaan kepada jabatan dan PTJ pemungut hasil .

CARTA FUNGSI SEKSYEN OPERASI DAN PERAKAUNAN

SEKSYEN OPERASI DAN PERAKAUNAN

UNIT SEMAK

1. Menyemak dan melulus baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja yang disediakan oleh seluruh jabatan Negeri.
2. Memproses permohonan kelulusan AP58 dan AP96(a).
3. Memastikan bayaran yang dibuat adalah mengikut peraturan yang berkuatkuasa, mengikut kadar yang ditetapkan dan tidak berlaku kesilapan bayaran dan kesilapan perakaunan.
4. Memantau dan memastikan bayaran yang dibuat tidak melebihi belanjawan tahunan.
5. Membuat analisa ke atas perbelanjaan Kerajaan Negeri dan menyediakan laporan perbelanjaan bulanan untuk dilapor kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.
6. Memastikan jabatan mematuhi peraturan dan pekeliling-pekeliling terkini dan berkuatkuasa serta mematuhi arahan operasi perakaunan dalam menguruskan pembayaran.
7. Menjawab audit kuiry berkaitan kelulusan pembayaran.
8. Memastikan tidak berlaku bayaran tanpa kuasa.
9. Mengambil tindakan kuiry ke atas bayaran yang tidak lengkap dan tidak mematuhi prosedur bayaran.
10. Menyedia pekeliling, surat pekeliling serta arahan operasi berkaitan prosedur dan arahan operasi bayaran.

CARTA FUNGSI SEKSYEN OPERASI DAN PERAKAUNAN

SEKSYEN OPERASI DAN PERAKAUNAN

UNIT EMOLUMEN

1. Menyemak dan meluluskan bayaran emolumen kepada kakitangan kerajaan Negeri melalui Sistem Gaji SPEKS.
2. Menyemak dan melulus bayaran gaji berasingan dan elaun-elaun kakitangan jabatan Negeri.
3. Mengurus penghantaran cek gaji dan cek potongan gaji kepada agensi.
4. Memantau dan memproses permohonan mewujudkan kod potongan gaji bagi jabatan Negeri.
5. Menyedia pekeliling, surat pekeliling serta arahan operasi berkaitan prosedur pembayaran emolumen dan elaun-elaun yang berkaitan kepada kakitangan Negeri.
6. Memantau potongan gaji bagi setiap kakitangan Kerajaan Negeri agar tidak melebihi had yang dibenarkan.
7. Menyemak dan mengfailkan laporan gaji.
8. Memastikan gaji dan elaun yang dibayar adalah mengikut pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa.
9. Menyedia laporan dan membuat analisa bayaran emolumen kakitangan Kerajaan Negeri.